
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JOW 452 – PERHUBUNGAN INDUSTRI

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab LIMA (5) soalan. Jawab SEMUA soalan di Bahagian A dan pilih TIGA (3) soalan di Bahagian B.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Soalan Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan Bahagian B diperuntukkan 60 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

BAHAGIAN A (40 markah)**Jawab SEMUA soalan.****SOALAN 1 (20 markah)**

En. Ahmad baru dinaikkan pangkat sebagai seorang penolong pengurus di sebuah syarikat pembinaan. Beliau bertanggungjawab terhadap hal ehwal hubungan pekerja. En. Ahmad diarahkan oleh ketuanya untuk menangani masalah disiplin salah seorang pekerja mereka. Pekerja tersebut selalu datang kerja lewat, sering bergaduh di tempat kerja dan yang terkini beliau ditangkap oleh penyeliannya semasa meminum minuman keras di tempat kerja.

Pada pendapat anda, adakah pekerja tersebut telah melakukan salah laku yang serius sehingga memerlukan tindakan disiplin diambil oleh pihak pengurusan? Apakah langkah-langkah yang perlu diikuti dan tindakan yang boleh diambil oleh En. Ahmad dalam menjalankan tugas yang diamanahkan kepada beliau?

(20 markah)

SOALAN 2 (20 markah)

Akta Kerja 1955 adalah terpakai kepada pekerja sektor swasta yang tidak berkesatuan yang diambil bekerja di bawah kontrak perkhidmatan. Akta ini menggariskan keperluan minima yang mesti diberikan oleh pihak majikan kepada pekerja-pekerja mereka. Terangkan keperluan minima yang perlu diberikan oleh pihak majikan berkaitan perkara-perkara berikut:

- | | |
|----------------------|------------|
| (a) Hari rehat | (4 markah) |
| (b) Kerja lebih masa | (4 markah) |
| (c) Cuti umum | (4 markah) |
| (d) Cuti tahunan | (4 markah) |
| (e) Cuti sakit | (4 markah) |

BAHAGIAN B (60 markah)**Sila jawab mana-mana TIGA (3) soalan.****SOALAN 3 (20 markah)**

Apakah perbezaan antara Undang-Undang Keselamatan Sosial dan Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan? Bagaimanakah kedua-duanya dapat saling melengkapi dalam mewujudkan satu sistem keselamatan sosial yang teguh di negara ini?

SOALAN 4 (20 markah)

Kesatuan sekerja memainkan peranan penting dalam memastikan hak golongan pekerja terpelihara dan dalam masa yang sama juga perlu memastikan kewujudan perhubungan perusahaan yang harmoni bagi menarik pelabur-pelabur asing melabur di negara kita.

- (a) Bincangkan dengan ringkas mengenai hak pekerja di Malaysia sama ada untuk menyertai atau tidak menyertai kesatuan sekerja.

(10 markah)

- (b) Terangkan konsep-konsep berikut:

- | | |
|---------------------------|------------|
| (i) <i>Closed shop</i> | (2 markah) |
| (ii) <i>Union shop</i> | (2 markah) |
| (iii) <i>Agency shop</i> | (2 markah) |
| (iv) <i>Dues checkoff</i> | (2 markah) |
| (v) <i>Open shop</i> | (2 markah) |

SOALAN 5 (20 markah)

Apakah peranan yang dimainkan oleh *Malaysian Trades Union Congress* (MTUC) dan *Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Service* (CUEPACS) dalam perkembangan perhubungan perusahaan di Malaysia? Bagaimanakah kedua-duanya dapat memberikan sumbangan yang lebih bermakna dalam mempertingkatkan lagi kemajuan ekonomi dan sosial negara?

SOALAN 6 (20 markah)

Perhubungan perusahaan dalam sektor awam adalah berbeza daripada perhubungan perusahaan dalam sektor swasta disebabkan penggunaan peraturan dan undang-undang yang berbeza. Namun demikian keharmonian perhubungan perusahaan dalam kedua-dua sektor adalah sama penting dalam memastikan keutuhan pembangunan ekonomi negara. Huraikan ciri-ciri perhubungan perusahaan dalam sektor awam.

SOALAN 7 (20 markah)**Akta Pekerja diperkemas untuk atasi gangguan seksual**

KOTA BHARU 15 Ogos – Kementerian Sumber Manusia akan memperkemas lagi Akta Pekerja 1955 untuk menangani masalah gangguan seksual di tempat kerja secara lebih menyeluruh. Pengarah Bahagian Standard Perburuhan kementerian itu, Wan Zulkifli Wan Setapa hari ini berkata, satu lagi klausa yang menyebut mengenai pencegahan dan pembasmian gangguan seksual di tempat kerja akan dimasukkan dalam akta itu.

“Dengan adanya klausa tambahan itu, ia akan lebih memperinci masalah gangguan seksual di kalangan pekerja dan majikan dan mereka tahu apa yang perlu dilakukan (jika berlaku gangguan),” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Penubuhan Mekanisme Dalaman Bagi Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja di sini hari ini. (Utusan Malaysia, 15 Ogos 2007).

Berdasarkan kepada petikan akhbar Utusan Malaysia di atas, kenapakah perlunya kes gangguan seksual diberikan perhatian serius oleh pihak majikan, pentadbir dan penggubal dasar?